

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) D5, Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman dianggotai oleh enam (6) orang pegawai dan enam (6) orang anggota polis yang khusus dalam penyiasatan kes-kes berprofil tinggi termasuk siasatan di bawah Akta Hasutan 1948. Setakat ini tidak ada bajet khusus yang diperuntukkan kepada unit ini dan hanya menggunakan bajet semasa dalam PDRM.

Bagi menjawab soalan (b), pemantuan laman sosial bagi mengenal pasti *'posting'* yang berunsur hasutan atau sebagainya akan dilaksanakan oleh "*Police Cyber Investigation Responce Centre*" (PCIRC) merupakan unit di bawah Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) bukan dibuat oleh semua anggota dalam PDRM. Pihak polis mempunyai banyak lagi tugas lain yang perlu dilaksanakan untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara, mencegah jenayah dan sebagainya. Dakwaan yang menyatakan bahawa polis hanya menumpukan kepada kes hasutan semata-mata merupakan kenyataan yang tidak berasas yang dibuat oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk kepentingan peribadi atau mempunyai agenda lain yang tersembunyi.